



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN
 PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR
OPERATOR DANDANG STIM
2025**

Disediakan oleh
Bahagian Keselamatan Industri

Dikemaskini pada Februari 2025

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	--------------------

KANDUNGAN	Muka Surat
1.0 Pengenalan	3
2.0 Tujuan	3
3.0 Takrifan	3
4.0 Pendaftaran Penyedia Latihan Berdaftar	4
4.1 Syarat am pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar	5
4.2 Syarat am pembaharuan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar	9
4.3 Cawangan Penyedia Latihan Berdaftar	10
4.4 Pengendalian kursus di lokasi selain daripada premis Penyedia Latihan Berdaftar yang telah didaftarkan	11
4.5 Tempoh sah pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar	12
4.6 Pembatalan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar	13
5.0 Pendaftaran tenaga pengajar	13
5.1 Syarat am pendaftaran sebagai tenaga pengajar	13
5.2 Syarat am pembaharuan pendaftaran sebagai tenaga Pengajar	15
5.3 Pembatalan pendaftaran sebagai tenaga pengajar	15
6.0 Modul latihan kompetensi	16
7.0 Pengendalian Peperiksaan	16
8.0 Fi Pemprosesan dan Fi Pendaftaran bagi Permohonan Pendaftaran dan Pembaharuan Penyedia Latihan Berdaftar	16
Lampiran 1 Modul kursus Penyedia Latihan Berdaftar Operator Dandang Stim	17
Lampiran 2 Borang A - Pendaftaran Penyedia Latihan Berdaftar	19
Lampiran 3 Borang B - Pendaftaran Tenaga Pengajar	24

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

1.0 PENGENALAN

Operator Dandang Stim merupakan orang yang bertanggungjawab mengendali dan menjaga dandang stim sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

Majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Operator Dandang Stim bagi memastikan dandang stim berada dalam keadaan baik dengan cara kerja yang selamat menurut standard yang ditetapkan oleh Jabatan.

2.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai prosedur dan syarat pendaftaran dan pembaharuan dengan JKKP sebagai Penyedia Latihan Berdaftar Operator Dandang Stim.

3.0 TAKRIFAN

Modul kursus

Modul kursus adalah modul Operator Dandang Stim yang dibangunkan berdasarkan kepada kerangka silibus yang ditetapkan oleh JKKP.

Tenaga pengajar tetap

Seseorang yang berdaftar dengan JKKP untuk mengajar kursus Operator Dandang Stim dan merupakan pengajar sepenuh masa dengan Penyedia Latihan Berdaftar.

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

Tenaga pengajar jemputan

Seseorang yang berdaftar dengan JKPP untuk mengajar kursus Operator Dandang Stim dan merupakan pengajar separuh masa dengan Penyedia Latihan Berdaftar.

Operator Dandang Stim

Operator dandang stim merupakan orang kompeten yang mengendalikan dan menjaga dandang stim.

Penyedia Latihan Berdaftar

Organisasi yang berdaftar dengan JKPP untuk mengendalikan kursus kompetensi termasuk kursus Operator Dandang Stim.

4.0 PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR

- a. Setiap Penyedia Latihan Berdaftar yang hendak mengendalikan kursus Operator Dandang Stim hendaklah berdaftar dengan JKPP selepas melengkapkan dan menghantar butiran seperti dalam perkara 4.1(b).
- b. Setiap permohonan untuk tujuan pendaftaran Penyedia Latihan Berdaftar hendaklah dikemukakan kepada: -

Ketua Pengarah,
 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Ibu Pejabat,
 Aras 5, Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya.
 No. Telefon : 03 – 8886 5343
 No. Fax : 03 – 8889 2443

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

4.1 Syarat Am Pendaftaran Sebagai Penyedia Latihan Berdaftar

- a. Penyedia Latihan Berdaftar yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- i. Mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi dengan sekurang-kurangnya satu (1) orang tenaga pengajar tetap;
 - ii. Mempunyai koordinator program yang dilantik secara tetap;
 - iii. Bagi Institut Latihan Awam (ILA) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) orang tenaga pengajar jemputan yang memenuhi syarat am pendaftaran sebagai tenaga pengajar seperti di para 5.1.
 - iv. Mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam 4.1(c);
 - v. Tempoh pengendalian kursus yang dijalankan hendaklah merangkumi semua silibus dalam modul yang diluluskan sebagaimana dalam lampiran 1;
 - vi. Ujian atau peperiksaan dikendalikan oleh agensi yang diluluskan oleh JKPP.
 - vii. Premis/ tempat kerja perlu membuat Pemberitahuan Tempat Kerja (PEMTK) melalui system MyKKP.
 - viii. Majikan yang mempunyai lima (5) orang pekerja atau lebih perlu melantik seorang Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berdaftar dengan Jabatan.
- b. Setiap permohonan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar hendaklah disertakan dengan maklumat berikut:

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

Perkara	Perihal
Surat permohonan	Nyatakan tujuan surat Sertakan maklumat pegawai untuk dihubungi (nama, no. tel. & emel)
Borang pendaftaran Penyedia Latihan Berdaftar	Mengisi lengkap Borang A (Rujuk Lampiran 2)
Latar belakang, carta dan dasar keselamatan dan kesihatan organisasi	Latar belakang/ profil organisasi Jumlah kakitangan Carta organisasi Sistem pengurusan kualiti (jika ada) Salinan sijil pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Jab. Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Senarai dan maklumat koordinator program.	Salinan surat pelantikan sebagai koordinator program
Senarai dan maklumat tenaga pengajar	Mengisi lengkap Borang B (Rujuk Lampiran 3) Salinan surat pelantikan sebagai tenaga pengajar Salinan surat persetujuan sebagai tenaga pengajar Salinan surat perjanjian antara Penyedia Latihan Berdaftar dengan tenaga pengajar
Modul kursus	Penetapan topik, subtopik dan jam kontak yang yang sekurang-kurangnya meliputi perkara dalam Lampiran 1

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

Nota kursus	Salinan bercetak dwibahasa (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) yang merangkumi semua topik seperti dalam Lampiran 1. Nota pembelajaran lengkap dan terperinci
Pelan pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> Menyertakan jadual waktu perjalanan kursus Menetapkan sasaran/ objektif setiap bahagian/ topik.
Slaid persempahan	<ul style="list-style-type: none"> Berpandukan modul dan nota kursus yang disediakan dalam bentuk <i>power point</i> atau bentuk lain yang sesuai.
Mekanisme maklum balas dan penilaian peserta	<ul style="list-style-type: none"> Maklumbalas peserta yang merangkumi fasiliti premis, kemudahan pembelajaran dan penilaian tenaga pengajar Penilaian sistem/ kaedah penilaian peserta semasa latihan (penilaian seperti kuiz atau peperiksaan bertulis pada setiap topik utama)
Latihan praktikal	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur latihan praktikal samaada di premis latihan atau premis lain. Mendapatkan persetujuan syarikat/ tempat kerja/ premis yang mempunyai dandang stim yang sedang beroperasi bagi tujuan latihan praktikal.
Penyimpanan rekod peserta	<p>Rekod peserta perlu merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Nama No. MyKad Tarikh kursus

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

	<ul style="list-style-type: none"> • Nombor siri sijil kehadiran • Rekod penilaian peserta • Borang maklum balas peserta
Maklumat lain	<ul style="list-style-type: none"> • Bukti pemilikan premis/ perjanjian sewaan premis • Syarat pemilihan peserta kursus • Pengiktirafan atau sokongan yang telah diterima daripada mana-mana organisasi atau badan profesional (jika ada) • Perjanjian kerjasama antara organisasi dalam mengendalikan kursus (jika ada)

c. Penyedia Latihan Berdaftar yang ingin berdaftar perlu memenuhi keperluan kelengkapan dan kemudahan tempat pengendalian kursus seperti berikut:

- i. Bilik ceramah yang sesuai, mempunyai pencahayaan dan pengudaraan mencukupi serta mempunyai keluasan yang selesa untuk mewujudkan suasana yang kondusif bagi tujuan pembelajaran dan peperiksaan;
- ii. Kerusi dan meja yang mencukupi dan sesuai;
- iii. Peralatan mengajar yang sesuai seperti alat pandang-dengar (audio visual) dan papan tulis;
- iv. Bahan rujukan peserta kursus;
- v. Kemudahan asas seperti ruang rehat, tandas, surau dll;
- vi. Peralatan kecemasan seperti kotak pertolongan kecemasan (*first aid box*) dan alat pemadam api; dan
- vii. Peralatan/ kemudahan sebagai alat bantu mengajar iaitu model dandang stim tiub air dan tiub api termasuk pepasangan utama; dan

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

Peralatan/ kemudahan untuk menjalankan latihan praktikal iaitu dandang stim (beroperasi atau tidak beroperasi). Jika Penyedia Latihan Berdaftar tidak mempunyai dandang stim (beroperasi atau tidak beroperasi), Penyedia Latihan Berdaftar perlu menjalankan latihan praktikal di kilang / industri yang mempunyai dandang stim yang beroperasi dengan kebenaran kilang/tempat kerja tersebut.

4.2 Syarat Am Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Penyedia Latihan Berdaftar

- a. Penyedia Latihan Berdaftar yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut: -
 - i. Masih aktif mengendalikan kursus kompetensi sekurang-kurangnya 1 kali setahun; dan
 - ii. Mematuhi syarat-syarat am pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar;
 - iii. Permohonan pembaharuan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah 3 bulan sebelum tamat tempoh sah pendaftaran.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:
 - i. Surat permohonan pembaharuan;
 - ii. Carta organisasi terkini;
 - iii. Maklumat kursus yang telah dikendalikan dalam tempoh pendaftaran terdahulu yang merangkumi, tarikh, tempoh, bilangan pelajar, tenaga pengajar, pencapaian/ statistik keputusan peperiksaan dan lain-lain;
 - iv. Senarai tenaga pengajar terkini;
 - v. Salinan slip pembayaran KWSP bagi koordinator program;

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

- vi. Salinan surat perjanjian terkini dengan tenaga pengajar jemputan (berstatus kontrak); dan surat kelulusan Ketua Pengarah bagi tenaga pengajar jemputan dari kalangan pegawai teknikal Jabatan.
- vii. Semua salinan surat perjanjian yang berkaitan termasuk bukti salinan pemilikan premis (jika milik sendiri) atau salinan perjanjian sewaan premis yang dimatikan setem dengan tempoh sewaan sekurang-kurangnya 1 tahun (menyewa).

4.3 Cawangan Penyedia Latihan Berdaftar

- a. Penyedia Latihan Berdaftar tidak dibenarkan mengendalikan latihan selain daripada tempat yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran. Walau bagaimanapun Penyedia Latihan Berdaftar boleh mengemukakan permohonan pendaftaran cawangan kepada Ketua Pengarah.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:

Perkara	Perihal
Surat permohonan	Tujuan Butir-butir lengkap kursus yang dijalankan
Borang pendaftaran Penyedia Latihan Berdaftar /cawangan	Borang A
Latar belakang syarikat, carta organisasi dan dasar keselamatan dan kesihatan bagi cawangan.	Latar belakang/profil syarikat Jumlah kakitangan Carta organisasi Sistem pengurusan kualiti (jika ada) Salinan sijil SSM/ ROS

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

Senarai dan maklumat tenaga pengajar	Salinan surat pelantikan sebagai pengajar Salinan surat persetujuan untuk pengajar jemputan Salinan surat perjanjian antara Penyedia Latihan Berdaftar & pengajar
Kaedah penyimpanan rekod peserta	Nama No. MyKad Tarikh kursus Nombor siri sijil kehadiran Rekod penilaian peserta Borang maklumbalas peserta
Maklumat lain yang berkaitan	Tatacara kawalan pemberian sijil kehadiran kursus

4.4 Pengendalian Kursus Di Lokasi Selain Daripada Premis Penyedia Latihan Berdaftar Yang Telah Didaktarkan

- a. Penyedia Latihan Berdaftar yang ingin mengendalikan kursus di lokasi selain daripada premis Penyedia Latihan Berdaftar yang telah didaftarkan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah dan memenuhi syarat-syarat berikut: -
- i. Kursus dilaksanakan di premis atau lokasi yang mempunyai fasiliti dan kemudahan yang lengkap untuk latihan teori
 - ii. Mendapatkan surat kebenaran daripada pihak syarikat/kilang bagi menjalankan latihan praktikal di syarikat/kilang yang berdaftar dengan Jabatan beserta Salinan Perakuan Kelayakan Dandang Stim yang akan digunakan sebagai bahan pembelajaran tersebut. (Sekiranya berkaitan)

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

- iii. Mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap selewat-selewatnya 30 hari sebelum tarikh kursus dilaksanakan.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:
 - i. Surat permohonan yang menyatakan tarikh pelaksanaan kursus, maklumat tenaga pengajar dan jumlah peserta.
 - ii. Borang pendaftaran Penyedia Latihan Berdaftar (Borang A)
- c. Dokumen-dokumen sokongan:
 - i. Lukisan pelan fasiliti premis
 - ii. Kemudahan latihan teori, peralatan dan kelengkapan lawatan tapak (gambar/ pelan) mengikut keperluan semasa latihan amali
 - iii. Gambar-gambar peralatan kecemasan seperti kotak pertolongan kecemasan dan '*first aider*' yang terlatih, alat pemadam kebakaran dan sebagainya.
 - iv. Mendapatkan surat kebenaran daripada pihak syarikat/kilang bagi menjalankan latihan praktikal di syarikat/kilang yang berdaftar dengan Jabatan beserta Salinan Perakuan Kelayakan Dandang Stim yang akan digunakan sebagai bahan pembelajaran tersebut. (Sekiranya berkaitan)

4.5 Tempoh Sah Pendaftaran Sebagai Penyedia Latihan Berdaftar

Bagi permohonan yang berjaya, pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar diberikan untuk tempoh maksimum 3 tahun daripada tarikh surat pendaftaran dikeluarkan. Penyedia Latihan Berdaftar yang telah tamat tempoh sah seperti yang tercatat dalam surat pendaftaran adalah tidak dibenarkan mengendalikan kursus.

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

4.6 Pembatalan Pendaftaran Sebagai Penyedia Latihan Berdaftar

- a. Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran Penyedia Latihan Berdaftar sekiranya didapati tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat kelulusan pendaftaran, pembaharuan atau syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- b. Penyedia Latihan Berdaftar yang telah dibatalkan pendaftaran hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas tempoh 3 tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran.
- c. Pendaftaran sebagai Penyedia Latihan Berdaftar akan **terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat tempoh sah pendaftaran**. Program yang dijalankan dalam tempoh masa setahun tersebut tidak diiktiraf dan peserta tidak layak untuk dipertimbangkan bagi pendaftaran Operator Dandang Stim.

5.0 PENDAFTARAN TENAGA PENGAJAR

5.1 Syarat Am Pendaftaran Sebagai Tenaga Pengajar

- a. Tenaga pengajar adalah wajib berdaftar dengan Ketua Pengarah. Bagi permohonan pendaftaran sebagai tenaga pengajar, syarat-syarat berikut hendaklah dipenuhi:
 - i. Warganegara Malaysia
 - ii. Mempunyai minimum 3 tahun pengalaman sebagai Jurutera Stim Gred 1; atau
 - iii. Mempunyai minimum 6 tahun pengalaman sebagai Jurutera Stim Gred 2; atau
 - iv. Mempunyai minimum 6 tahun pengalaman sebagai Operator Dandang Stim Gred 1;
 atau

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	--------------------

- v. Bagi tenaga pengajar tetap di Institut Latihan Awam (ILA) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi bidang boiler dan mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) bulan pengalaman industri;
atau
 - vi. Pesara JKPP yang mempunyai “Certificate of Competency” Jurutera Stim; dan
 - vii. Lulus sesi penilaian yang ditetapkan oleh Jabatan.
 - viii. Pegawai JKPP yang sedang berkhidmat yang mendapat kelulusan Ketua Pengarah untuk mengajar.
- b. Permohonan pendaftaran hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:
- i. Surat permohonan yang menyatakan nama tenaga pengajar.
 - ii. Borang Pendaftaran Tenaga Pengajar (Rujuk Borang B)
 - iii. Dokumen-dokumen sokongan:
 - a. Salinan kad pengenalan
 - b. Salinan Surat persetujuan daripada tenaga pengajar
 - c. Salinan perjanjian di antara Penyedia Latihan Berdaftar dan tenaga pengajar
 - d. Salinan “*Certificate of Competency*” Jurutera Stim
 - e. Salinan kelulusan Ketua Pengarah untuk mengajar bagi setiap sesi
 - f. Sijil Pendaftaran Sebagai OYK atau bukti pengalaman dan kemahiran dalam bidang berkaitan.
- c. Calon tenaga pengajar yang berjaya didaftarkan akan diberikan tempoh sah pendaftaran selama 3 tahun bermula dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
- d. Calon tenaga pengajar yang gagal penilaian hanya boleh membuat permohonan semula pendaftaran selepas 6 bulan dari tarikh keputusan dikeluarkan.
- e. Tenaga pengajar yang telah berdaftar dengan Jabatan boleh mengajar di mana-mana Penyedia Latihan Berdaftar yang berdaftar.

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

5.2 Syarat Am Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Tenaga Pengajar

- a. Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah mengemukakan bukti aktif mengajar, atau mendapatkan *testimonial* dari Penyedia Latihan Berdaftar.
- b. Permohonan pembaharuan pendaftaran sebagai tenaga pengajar hendaklah dikemukakan kepada JKPP dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tarikh tempoh sah pendaftaran.
- c. Pengiktirafan sebagai tenaga pengajar akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tamat tempoh sah pendaftaran. Program yang dikendalikan oleh tenaga pengajar dalam tempoh masa setahun tersebut tidak diiktiraf dan peserta terlibat tidak layak untuk dipertimbangkan bagi pendaftaran Operator Dandang Stim.

5.3 Pembatalan Pendaftaran Sebagai Tenaga Pengajar

- a. Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran mana-mana tenaga pengajar sekiranya mereka didapati: -
 - i. Melanggar etika kerja/ profesionalisme;
 - ii. Gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab;
 - iii. Gagal mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - iv. Telah disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya; atau
 - v. Tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat kelulusan pendaftaran, pembaharuan atau syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- b. Tenaga pengajar yang telah dibatalkan pendaftaran hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas tempoh 3 tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran.

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

6.0 MODUL LATIHAN KOMPETENSI

- a. Penyedia Latihan Berdaftar yang mengendalikan kursus latihan kompetensi hendaklah menggunakan modul latihan yang diluluskan oleh JKKP;
- b. Modul latihan kompetensi perlu disemak:
 - i. Setiap 3 tahun;
 - ii. Sekiranya terdapat perubahan terhadap peruntukan perundangan; atau
 - iii. Sekiranya terdapat arahan daripada Jabatan.

7.0 PENGENDALIAN PEPERIKSAAN

- i. Peperiksaan dikendalikan oleh pusat peperiksaan yang diiktiraf Jabatan.
- ii. Pengurusan Pembangunan Kompetensi adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) termasuk pembangunan modul latihan, penggubalan soalan peperiksaan dan penilaian peperiksaan.

8.0 FI PEMPROSESAN DAN FI PENDAFTARAN BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR BERDAFTAR

Pembayaran fi pemprosesan dan fi pendaftaran bagi permohonan pendaftaran dan pembaharuan penyedia latihan berdaftar Operator Dandang Stim adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Penyedia Latihan Berdaftar

Penyedia latihan berdaftar	Fi pemprosesan	Fi pendaftaran/ Fi pembaharuan
Syarikat	RM 150	RM 1,500

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

Lampiran 1

MODUL KURSUS OPERATOR DANDANG STIM

NO	KURSUS/ MODUL/SUBJEK	TOPIK/SUB MODUL/ ELEMEN	Contact Hours	
			Gred 1	Gred 2
1	Introduction to boiler	Definition	1	2
		Purpose		
		Boiler Classifications		
		Principle of Fire Tube and Water Tube Boilers;		
2	Laws Related to Steam Boilers	An overview of Occupational Safety and Health Act (1994)	2	3
		Occupational Safety and Health (Plant Requiring Certificate of Fitness) Regulations 2024		
		Occupational Safety and Health (Plant Requiring Certificate of Fitness) Regulations 2024 Schedule 8 – Essential Fittings		
		Operating Logs		
3	Steam Boiler Operations and Trouble-shootings	Boiler Operations	5	8
		Boiler Abnormality, Emergencies and Safety		
		Boiler Storage.		
		Commissioning Activities;		
		Introduction to boiler water treatments		2
4	Boiler Water Treatment	Water Treatment Concerns.	1	
		Combustion Theory; - Perfect combustion, - Complete combustion (Excess air control), and - Incomplete combustion.	2	2
6	Steam Turbines Fundamentals	Introduction of Steam Turbines	1	2
		Steam Turbines		
7	Steam Boiler Maintenance (2 hours)	Introduction to Boiler Maintenance	1	2
		Preventive Maintenance;		
8	Steam Boiler Failures	Types of failure	3	3
		Cause of failure		

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

(3 hours)	Preventions of failure		
-----------	------------------------	--	--

Contact Hours

Formal Class – 24 Hours (Gred 2), 16 Hours (Gred 1)

Practical – 6 hours

Assessment – 1 Day

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

Lampiran 2



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
BORANG A - BORANG PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR

BAHAGIAN A

MAKLUMAT AM

Nama Penyedia Latihan Berdaftar			
Alamat surat menyurat			
Alamat tempat pengendalian kursus			
Alamat tempat latihan praktikal			
No Pendaftaran Tempat Kerja (JKKP)			
No tel:		No Faks	
Emel:			
Nama pegawai bertanggungjawab		Jawatan	

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

Nama Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-C)		No. Daftar Penyelaras KKP (OSH-C)	
Maklumat pengajar	Sila senaraikan maklumat-maklumat berkenaan pengajar kursus yang berkaitan mengikut maklumat seperti dalam Lampiran Tenaga Pengajar		

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

BAHAGIAN B

Kelengkapan dan Kemudahan

Perkara	Perincian	Ada	Tiada	Sila Nyatakan
Syarahan	Bilangan			
	Keluasan (sesuai 25 orang)			
	Sistem pengudaraan			Jenis* : <i>neutral/split unit / centralized</i>
	Pencahayaan (300 lux)			
Kelengkapan Mengajar	Komputer			
	Projektor			
	Whiteboard			
Bahan rujukan	OSHA			
	Lain-lain perundangan yang berkaitan			
Alat Pelindung Diri (PPE)	Kasut keselamatan			
	Cermin mata keselamatan			
	Topi keselamatan			
	Sarung tangan			
	Coverall/pakaian sesi praktikal			
	Mask			
Peralatan keselamatan	1 st aid box			
	Pemadam api			
Kemudahan asas	Bilik air/ tandas			
	Ruang rehat			
	Surau			

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

Peralatan menjalankan latihan praktikal	Dandang Stim	Tiub api			* Jika Penyedia Latihan Berdaftar tidak mempunyai dandang stim (beroperasi atau tidak beroperasi), Penyedia Latihan Berdaftar perlu menjalankan latihan praktikal ketika lawatan tapak ke kilang / industri yang mempunyai dandang stim yang beroperasi.
		Tiub air			
	Model	Tiub api			*wajib
		Tiub air			*wajib
	Simulator	Tiub api			
		Tiub air			

Peralatan-peralatan lain

Perkara	Perincian	Ada	Tiada
Peralatan-peralatan	Welding gauge		
	Lampu suluh		
	UTTG (Thickness Gauging)		
	Penukul/Hammer		
	Scrapper		
	Flaw detector		
	Kanta pembesar		
	Boroscope		
	Pitting gauge		

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	---	----------------

BAHAGIAN C

DOKUMEN DAN MAKLUMAT BERKAITAN

Sila tandakan (x) pada petak yang berkenaan.

Bil.	Perkara	Ada	Tiada	Catatan/ Perincian
a.	Latar belakang syarikat, carta organisasi dan dasar keselamatan dan kesihatan			
b.	Senarai dan maklumat tenaga pengajar termasuk seorang koordinator			
c.	Modul kursus termasuk jangkamasa untuk setiap topik			
d.	Nota lengkap kursus			
e.	Mekanisme penilaian dan maklumbalas peserta			
f.	Kaedah penyimpanan rekod peserta			
g.	Maklumat lain yang berkaitan (sila nyatakan)			
			
			
			
			
			

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

Lampiran 3



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

BORANG B - BORANG PENDAFTARAN TENAGA PENGAJAR

Nama (Pengajar)	
No Kad Pengenalan	
No Telefon	
No Faks	
Alamat Surat Menyurat	
Nama & Alamat Majikan	
No Telefon & Faks Majikan	
Jawatan Sekarang	
Kelayakan Akademik	
Pengalaman Bekerja (Jawatan/Majikan/Jangkamasa)	
Bidang Kepakaran	
Pengalaman sebagai Pensyarah/Pengajar (Bidang/Organisasi/Jangkamasa)	

NO. DOKUMEN:	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR OPERATOR DANDANG STIM	PINDAAN: 00
--------------	--	----------------

Pengalaman sebagai Orang Yang Kompeten	
Keahlian Badan/Persatuan Professional	
Tajuk Ceramah yang akan Diajar	
Status	Tetap <input type="checkbox"/> Jemputan <input type="checkbox"/>

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang saya nyatakan di atas adalah benar.

Tarikh :

Tandatangan:.....

****Catatan:**

Sila lampirkan bersama:

Salinan Surat persetujuan daripada pengajar

Salinan perjanjian diantara Penyedia Latihan Berdaftar dan pengajar dengan dimatikan setem